

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**SOALAN**

**DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah statistik hutan simpan yang diceroboh dan dinyah warta bagi tujuan pembangunan. Apakah keluasan terkini hutan simpan kekal yang masih terpelihara di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Manakala, bidang kuasa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah dalam memberikan nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan hutan serta menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan.
2. Sehingga tahun 2018, Malaysia mempunyai kawasan berhutan seluas 18.27 juta hektar atau 55.3 peratus daripada keluasan tanah negara. Daripada jumlah tersebut, keluasan hutan simpanan kekal (HSK) di Malaysia adalah seluas 10.92 juta hektar iaitu bersamaan dengan 33.06 peratus daripada keluasan tanah negara.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan HSK yang telah diceroboh bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seluas 15,456.14 hektar. Antara aktiviti-aktiviti pencerobohan yang telah dikenalpasti oleh JPSM, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak adalah untuk tujuan pertanian, pembinaan infrastruktur, aktiviti perlombongan dan sebagainya. Manakala, jumlah keluasan HSK yang diwarta keluar untuk tujuan pembangunan adalah seluas 439,184.48 hektar bagi tahun 2016 hingga 2020. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]**

**SOALAN**

**DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mampu memastikan sasaran purata pendapatan isi rumah sebanyak RM10 ribu menjelang 2025 mampu dicapai memandangkan tempoh tersebut kurang 4 tahun dari sekarang dan gaji minima juga masih pada tahap rendah iaitu hanya RM1,200 dengan kajian kadar gaji minimum hanya dikemaskini setiap 2 tahun.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Rompin, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025, Kerajaan menysarkan purata pendapatan isi rumah meningkat daripada RM7,160 pada tahun 2020 kepada RM10,065 pada tahun 2025, iaitu peningkatan sebanyak 7.0% setahun. Sasaran yang ditetapkan ini adalah realistik berdasarkan kepada pencapaian peningkatan purata pendapatan isi rumah bagi tempoh 2009-2019 iaitu sebanyak 7.0% setahun. Selain itu, sasaran yang ditetapkan juga adalah selari dengan jangkaan pertumbuhan KDNK pada harga semasa sebanyak 7.4% setahun bagi tempoh RMKe-12 dan matlamat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

2. Kerajaan yakin sasaran yang telah ditetapkan ini mampu dicapai berikutan pelbagai strategi makro yang diperkenalkan untuk memulih dan memperkuuh asas ekonomi. Antaranya termasuk usaha untuk meningkatkan produktiviti, menggalakkan pelaburan berkualiti, mempercepat peralihan struktur ekonomi, memanfaatkan penyertaan dalam rantaian nilai global (GVC), meningkatkan bahagian pampasan pekerja (CE) dan memastikan kemampunan fiskal dalam jangka panjang.
3. Selain daripada mengkaji Perintah Gaji Minimum (PGM) yang diperuntukkan dalam Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 bahawa Kerajaan perlu mengkaji semula PGM sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua tahun, Kerajaan telah menggariskan beberapa inisiatif dalam RMKe-12 bagi meningkatkan gaji pekerja. Antara inisiatif tersebut adalah:
- i. menyesuaikan semula kaedah pengiraan Sistem Upah yang dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) bagi membolehkan majikan melakukan penilaian kendiri selain dapat menyeragamkan kaedah yang diguna pakai oleh majikan dalam menerima pakai PLWS.
  - ii. membangunkan garis panduan berdasarkan amalan terbaik firma *high-road*. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan bahagian pampasan pekerja (CE). Firma *high-road* adalah syarikat yang menitikberatkan kesejahteraan pekerja dalam menjalankan perniagaan termasuklah menekankan kepada perbezaan gaji yang kecil antara pelbagai peringkat pekerja;
  - iii. meningkatkan keahlian dalam kesatuan sekerja;
  - iv. memperkenalkan kaedah penetapan bersama (*co-determination*) yang membolehkan wakil pekerja turut terlibat pada peringkat membuat keputusan. Perkara ini dijangka akan dapat meningkatkan kelebihan kepada pekerja dalam proses rundingan bersama (*collective bargaining*) termasuk penetapan gaji yang lebih adil;
  - v. menggalakkan syarikat untuk menggunakan model baru bagi pengagihan keuntungan perniagaan; dan

- vi. memperluas skop Indeks Gaji Kebangsaan (NWI) untuk meliputi kelayakan akademik, pengalaman kerja, kemahiran serta faktor lain yang menyumbang kepada perbezaan gaji. NWI akan ditambah baik dengan mengambil kira data pentadbiran bagi mengenal pasti kedinamikan upah berasaskan masa nyata. NWI yang akan menjadi panduan dan penanda aras kepada majikan dalam menentukan tahap gaji yang sesuai, selaras dengan tahap kelayakan dan kemahiran pekerja telah dibangunkan dengan menggabungkan data upah daripada pelbagai sumber.
4. Kerajaan komited untuk meningkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan terutamanya golongan B40 dan kumpulan 10% terendah daripada kumpulan M40, berpendapatan di antara RM4,850 dan RM5,880 sebulan. Bagi strategi jangka sederhana dan panjang, Kerajaan dalam RMKe-12 akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan rakyat termasuklah:
- i. Menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan;
  - ii. Menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan;
  - iii. Menggalakkan keusahawanan dan pelaburan kepada portfolio penjanaan pendapatan serta akses kepada pembiayaan kewangan; dan
  - iv. Meningkatkan sistem perlindungan sosial.

Sekian, terima kasih.